

03 MAR 1997

Ling-Laporan

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN TUNGGU LAPORAN NAHAS PESAWAT CESSNA

MELAKA, 3 Mac (Bernama) -- Kementerian Pengangkutan telah meminta Mofaz Air mengemukakan segera laporan mengenai nahas kapalterbang ringan Cessna 172 miliknya yang terhempas di kawasan hutan bakau di Kelibang, Langkawi semalam menyebabkan tiga orang terbunuh.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang diminta mengulas mengenai nahas itu berkata setakat ini Kementerian itu belum menerima laporan kemalangan itu.

Dalam kejadian semalam, juruterbang Nik Alfian Nik Abdul Ghani, 26 dan dua jurukamera Filem Negara, Abdul Razak Mohd Nor, 43 dan Ishak Latif, 32 terbunuh semasa membuat penggambaran dari udara perlumbaan basikal Le Tour de Langkawi.

Kejadian itu berlaku pada kira-kira 3.45 petang, kira-kira 15 minit selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melepaskan peserta perlumbaan peringkat akhir itu di hadapan Kompleks Lada.

"Setakat ini kita belum menerima laporan itu...bila dapat nanti, bolehlah buat kenyataan," katanya kepada pemberita pada sidang media sempena mesyuarat tertutup MCA dengan Dewan Perhimpunan Cina Malaysia dan Dewan Perniagaan Cina Malaysia.

Dr Ling berkata, selain laporan daripada Mofaz Air, siasatan termasuk bagi mengetahui punca kemalangan sedang dijalankan oleh polis, Jabatan Penerbangan Awam dan Jabatan Kimia.

Sementara itu, Dr Ling yang juga Presiden MCA berkata mesyuarat yang diadakan di atas kapal yang belayar dari Pelabuhan Klang ke Melaka malam tadi telah memutuskan tiga program bersama yang akan dilaksanakan membabitkan MCA dan dua pertubuhan berkenaan.

Menurut beliau, tiga program itu ialah usaha memupuk sikap menghormati jasa guru, mengembang dan membantu hasrat kerajaan menjayakan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan mewujudkan beberapa krematorium bagi mengatasi masalah kekurangan tanah perkuburan bagi masyarakat Cina.

Ling berkata dua program yang akan digerakkan bersama itu juga bertujuan memupuk semangat bersepadu membabitkan semua bangsa dalam usaha menangani gejala sosial yang berleluasa sekarang. -- BERNAMA

MYD PR